

18 JAN 2003

Kedah-Anugerah

SULTAN SELANGOR KETUAI PENERIMA ANUGERAH DARI SULTAN KEDAH

ALOR STAR, 18 Jan (BERNAMA) -- Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dianugerahkan Darjah Kerabat (DK) sempena Hari Keputeraan ke-75 Sultan Kedah esok.

Yang turut sama menerima anugerah itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Majlis pengurniaan Darjah-Darjah serta Bintang-Bintang Kebesaran itu akan berlangsung di Istana Anak Bukit esok.

Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain merupakan penerima tunggal Darjah Seri Setia Diraja Kedah (S.S.D.K.) manakala Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Paduka Ismail Shafie menerima Darjah Lela Setia (D.L.S.). Kedua-dua darjah itu membawa gelaran datuk.

Dua pegawai kanan kerajaan dianugerahkan Darjah Datuk Paduka Seri Setia Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (D.H.M.S.) yang membawa gelaran Datuk Paduka. Mereka ialah Mufti Negeri Kedah Datuk Syeikh Hasbullah Abdul Halim dan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Abdul Halil Mutalib.

Pegawai Kewangan Negeri Datuk Ku Nahar Ku Ibrahim dan Datuk Panglima Jaya Datuk Syed Ahmad Syed Mohamad Al Mahdali dianugerahkan Darjah Kebesaran Gemilang Seri Mahkota Kedah Yang Amat Dihormati (D.G.M.K.) yang membawa gelaran Datuk Wira.

Selain itu, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Datuk Hashim Mat Noor dan Pengerusi Sarawak Securities Sdn Bhd Datuk Onn Mahmud turut menerima anugerah Datuk Wira itu.

Seramai 36 orang dianugerahkan Datuk Setia Diraja Kedah (D.S.D.K.) yang membawa gelaran Datuk.

Antara penerima berkenaan adalah Exco Kerajaan Negeri Kedah Osman Md Aji, Datin Paduka Tunku Hamidah Sultan Badlishah, Tunku Mukminah Tunku Md Jewa, Prof. Tunku Sarah Tunku Ahmad Yahya dan Siddiq Firdause Mohd Ali.

Penerima lain bagi D.S.D.K. ialah Duta Besar Malaysia ke Austria Gulam Husein Gulam Haniff, Duta Besar Malaysia ke Syria Abdullah Sani Omar, Pegawai Daerah Kota Star Ahmad Abdullah dan Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Wan Mustaffa Wan Mahmud.

Turut menerima pingat adalah Pegawai Daerah Baling Abdul Mukhti Abdullah, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri, Timbalan Ketua Polis Kedah SAC II Mak Che On, Ketua Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis Kedah Azmi Othman, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) Dr Abdul Ghani Shafie dan Timbalan Ketua Pengarah Mardi Che Embi Yusoff.

Sebanyak 36 orang dianugerahkan Setia Diraja Kedah (SDK), 18 orang dianugerahkan Jaksa Pendamai (JP), 109 orang menerima Ahli Mahkota Kedah (A.M.K.), termasuk Naib Ketua Pemuda Umno Negeri, Mohd Radzi Ayob dan pelakon Azean Irdawaty dan Zulkifli Zain.

Pegawai Penjaga Cawangan Latihan Para Pasukan Gerakan Khas Ulu Kinta, ASP Abdul Razak Mohd Yusoff merupakan penerima tunggal Bintang Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (B.M.S.).

Sebanyak 69 orang menerima Bintang Perkhidmatan Cemerlang Kedah (B.C.K.) dan 84 orang dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Cemerlang Kedah (P.C.K.) termasuk wartawan RTM Kedah, Ruhani Ismail.

Selain itu, sebanyak 208 orang menerima Bintang Kebaktian Masyarakat (BKM), 486 orang menerima Pingat Jaksa Kebaktian (PJK) dan 31 orang menerima Pingat Perkhidmatan Lama (PPL).

Setiausaha Akhbar Menteri Besar Kedah Sobri Sudin, Esekutif Kanan

Edaran Modenasa Sdn Bhd Abdul Halim Abdul Razak dan Ruslin Long, bapa kepada 5 beradik yang mati lemas ketika mandi di Air Terjun Pecah Batu November lepas, adalah antara penerima Bintang Kebaktian Masyarakat (BKM).

Manakala Penerbit Rancangan Jabatan Penyiaran Malaysia, Jamil Md Isa dan Jurukamera RTM Kedah Aly Zaidee Rafji adalah diantara yang menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK).

-- BERNAMA

IAW MZM PR